

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

UM lancar Pusat Penyelidikan Klinik Penagihan
18. Apr 2009
Sinar Harian
Selangor & KL
60000
0
Language
Page No
Article Size
Frequency
Color
AdValue
MALAY
S29
361 cm2
Daily
Full Color
1987.31



UM lancar Pusat Penyelidikan, Klinik Penagihan

PANTAI BAHARU - Kejayaan Terapi Penggantian Dadah Methadone (MDST) merawat para penagih heroip di negara ini telah mendorong kepada pelancaran University of Malaya Center for Addiction Sciences (Umcas) dan Methadone Research Clinic (MRC) yang bersekutu di bawah Jabatan Perubatan Psikologi, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya (UM).

Timbalan Dekan, Fakulti Perubatan UM, Professor Dr Mustafa Ali Mohd berkata, pelancaran pusat dan klinik berkenaan bertujuan untuk meningkatkan dan menyokong strategi rawatan penagihan bagi mengurangkan penagihan dadah dan kejadian HIV/AIDS di Malaysia.

Menurutnya, pembukaan pusat dan klinik tersebut tepat pada masanya sejajar dengan objektif kerajaan untuk mencapai Matlamat Pembangunan Milenium Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menjelang tahun 2015.

"Saya yakin inisiatif ini akan membantu menjaya-

kan program pengurangan kemudaratan serta mencapai matlamat Kerajaan untuk menempatkan 25,000 orang penagih mengikuti program MDST menjelang tahun 2015," katanya.

Penyelaras UMCAS, Dr Rusdi Abd Rashid berkata, pusat tersebut berupaya melaksanakan perkhidmatan klinikal seperti rawatan penagihan heroin dan kajian sains terhadap methadone, alkohol, nikotin dan perangsang lain serta program kemasyarakatan seperti program perintis rawatan selenggara methadone di penjara dan program Selepas Penjagaan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

"Selain menggalakkan penggunaan teknologi maklumat seperti pembangunan pangkalan data, bioinformatik dan protokol pendaftaran, UMCAS turut mempromosikan kemajuan teknologi dan inovasi seperti protokol pengurusan dan model untuk pelbagai rawatan dadah serta penemuan ubat-ubat baru

bagi rawatan penagihan.

"Kami harap UMCAS akan menjadi institut penyelidikan penagihan yang pertama di Malaysia dan bersama-sama dengan MRC menjadi pusat setempat untuk latihan, penyelidikan dan rawatan masalah penagihan," katanya.

Sementara itu, CCM Duopharma Biotech Bhd (CCMD) telah menyumbang RM13,000 kepada UMCAS dan Methadone Research Clinic sebagai menghargai usaha mereka mempromosikan MDST dan ARV bagi menyokong usaha Kerajaan menangani penagihan dadah dan HIV/AIDS.

Tambah Dr Rusdi, UMCAS menghargai sokongan pelbagai pihak termasuk syarikat-syarikat dalam industri farmaseutikal dan berharap mereka boleh bekerjasama untuk mendidik mereka yang terlibat dengan para penagih seperti para pengamal perubatan dan ahli-ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengenai keberkesanan MDST serta isu-isu dan prosedur terkini berkaitan dengan rawatan tersebut.

**sumbang
RM13,000**



● Pengarah Urusan Kumpulan CCM Berhad, Datuk Dr Mohd Hashim Tajudin (dua dari kanan) menyampaikan replika cek kepada Dr Mustafa (tengah).